

## **EVOLUSI PENGGUNAAN BAHASA MELAYU TERHADAP BATU-BATU NISAN ABAD KE-14 HINGGA 15: SATU TINJAUAN AWAL**

Zurina Abdullah  
*Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor*  
[zurinaabdullah@kuis.edu.my](mailto:zurinaabdullah@kuis.edu.my)

Adi Yasran Abdul Aziz  
*Universiti Putra Malaysia*  
[adi@fbmk.upm.edu.my](mailto:adi@fbmk.upm.edu.my)

### **ABSTRAK**

Kajian ini merupakan satu kajian tinjauan terhadap evolusi bahasa Melayu terhadap batu-batu nisan atau dikenali dengan inskripsi sekitar abad ke-14 hingga 15. Dalam penulisan ini dua buah inskripsi telah diteliti berdasarkan kajian kepustakaan, iaitu batu nisan Ratu al-Ala yang bertarikh 1389M di Minye Tujuh, Aceh yang dikenali sebagai Batu Bersurat Minye Tujuh (BBMT) dan batu nisan Syeikh Ahmad Majanu bertarikh 1463M di Pengkalan Kempas, Negeri Sembilan yang dikenali sebagai Batu Bersurat Pengkalan Kempas (BBPK). Kenyataan oleh Noriah (1999), batu bersurat (inskripsi) ini menjadi penanda dan menunjukkan bahawa penggunaan bahasa Melayu sudah memaparkan kemajuannya apabila bersifat dwibahasa dan dwiaksara. Berdasarkan kajian-kajian yang telah dilakukan sebelum ini, BBMT memperlihatkan penggunaan aksara Kawi (bahasa Melayu/Jawa kuno) dengan Arab (bahasa Arab) manakala BBPK memperlihatkan penggunaan aksara Kawi dan Jawi Tua. Andaian yang boleh dibuat terhadap penggunaan dwiaksara dan dwibahasa berdasarkan kedua-dua batu bersurat ini melibatkan dua kemungkinan. Pertama, kedua-dua inskripsi ini dimiliki oleh seseorang yang berkedudukan dan dihormati yang hidup pada zaman kerajaan yang penting, dan kedua dipengaruhi oleh Islamisasi bahasa Melayu, iaitu pengaruh agama Islam dalam bahasa serta budaya tempatan. Justeru, penulisan pada batu bersurat ini ditulis sebegitu sebagai tanda penghormatan.

**Kata Kunci :** *Evolusi Bahasa, Insripsi, Batu Nisan, Kajian Tinjauan.*

### **Pengenalan**

Perkembangan bahasa Melayu merupakan satu kajian yang sangat menarik untuk diterokai dan sentiasa relevan dengan perkembangan zaman kerana perubahan yang berlaku pada setiap fasa perkembangannya mempunyai pelbagai persoalan yang menarik untuk diperbincangkan. Apabila berbicara tentang perkembangan bahasa, kita tidak dapat lari daripada membincangkan tentang perubahan-perubahan bahasa yang berlaku pada setiap zaman. Perkembangan dan perubahan ini memperlihatkan evolusi dalam sejarah bahasa Melayu. Pelbagai bahan kajian boleh dikaji untuk melihat perkembangan atau evolusi bahasa Melayu dan antara yang menarik minat pengkaji ialah inskripsi yang terdapat pada batu-batu nisan. Evolusi bahasa Melayu yang paling ketara berlaku adalah sekitar abad ke-14 hingga ke-15 apabila terdapat penemuan inskripsi yang memiliki dwiaksara dan dwibahasa.

Penyebaran agama Islam ke Alam Melayu jelas telah memberikan kesan besar terhadap perubahan bahasa Melayu sama ada melalui bahasa mahupun sistem tulisan yang digunakan. Pertembungan antara pengaruh Hindu dan Islam ini ternyata telah menunjukkan evolusi terhadap bahasa Melayu, iaitu perubahan daripada bahasa Melayu kuno kepada bahasa Melayu klasik dan ia memperlihatkan transisi antara perubahan zaman tersebut. Transisi inilah yang memperlihatkan evolusi dalam bahasa Melayu. Dalam perbincangan yang bersifat tinjauan awal ini, dua buah inskripsi yang terdiri daripada batu-batu nisan dijadikan bahan penelitian, iaitu Batu Bersurat Minye Tujuh (BBMT), Aceh dan Batu Bersurat Pengkalan Kempas (BBPK), Negeri Sembilan. Kenyataan oleh Noriah (1999), iaitu batu bersurat (inskrripsi) ini menjadi penanda dan menunjukkan bahawa penggunaan bahasa Melayu sudah memaparkan kemajuannya apabila bersifat dwibahasa dan dwiaksara.

## **Evolusi Bahasa**

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, evolusi bermaksud 1. Perubahan secara beransur-ansur pada haiwan atau tumbuhan, daripada satu generasi kepada generasi lain; 2. Perkembangan secara beransur-ansur; terutamanya pada bentuk yang lebih kompleks; sudah terbukti bahawa sesuatu masyarakat itu menerima perubahan; berevolusi berkembang secara beransur-ansur (prpm.dbp.gov.my).

Evolusi berasal daripada bahasa Latin *evolvere*, iaitu gabungan *ex-* (keluar) dan *volvere* (menggulung) yang membawa maksud ‘membuka lipatan, keluar, berkembang’. Pada awalnya, tahun 1622, evolusi bermaksud “membuka gulungan buku” namun istilah ini pertama kali digunakan dalam pengertian ilmiah moden pada tahun 1832 oleh seorang ahli Geologi berbangsa Scotland bernama Charles Lyell. Kemuudian, Charles Darwin menggunakan istilah ini sekali dalam perenggan penutup bukunya yang bertajuk “The Origin of Species” pada tahun 1859. Setelah itu, istilah ini telah dipopularkan oleh Herbert Spencer dan ahli biologi yang lain ([id.wikipedia.org/wiki/Evolusi\\_\(istilah\)](http://id.wikipedia.org/wiki/Evolusi_(istilah))).

## **Penggunaan Bahasa Melayu pada Batu Nisan**

Batu nisan merupakan salah satu daripada prasasti yang menjadi bahan tarikan kebanyakan pengkaji dalam pelbagai bidang. Kenyataan ini disokong oleh seorang ahli Arkeologi, Dr. Daniel Perret yang menyatakan dalam bukunya (2017), bahawa makam merupakan sebuah monumen peringatan yang dapat dikaji dalam pelbagai sudut sebagaimana berikut:

1. Sudut teknikal; para pengkaji memberi tumpuan kepada bahannya.
2. Sudut kesenian; pengkaji menghasilkan pelbagai jenis tipologi.
3. Sudut sejarah; pengkaji memberi tumpuan kepada inskripsi yang diukir pada batu nisan.
4. Sudut antropologi dan sosiologi; pengkaji menumpukan kajian mengenai adat-adat berhubungan dengan pengebumian serta kebiasaan menziarahi makam.

Dalam perbincangan kertas kerja ini, tumpuan yang menjadi tinjauan awal adalah terhadap sudut sejarah kerana sudut ini berasaskan kepada ilmu membaca inskripsi atau ilmu epigrafi, termasuk sejarah politik, sejarah sosial, sejarah agama dan sejarah kebudayaan (Daniel, 2017). Seterusnya, melalui pendekatan sudut tersebut perbincangan akan dikaitkan dengan perubahan atau evolusi yang berlaku terhadap inskripsi yang tertulis pada batu-batu nisan yang dianggap menjadi bukti bermulanya evolusi terhadap bahasa khususnya bahasa Melayu.

Pada zaman pra-klasik, kebanyakan batu nisan ditulis dalam bahasa Arab berbentuk kufi dan tidak menggunakan bahasa Melayu. Antara contoh batu nisan yang ditemui sekitar abad ke-11 hingga abad ke-13 adalah seperti berikut (Othman dan Abdul Halim dlm Noriah, 1999):

1. Batu nisan wali Allah berketurunan Arab bertarikh 1028M di Pekan, Pahang.
2. batu nisan puteri Sultan Brunei, Makhdarah (Roqayah) bertarikh 1048M di Jalan Residen, Bandar Seri Begawan.
3. batu nisan bertarikh 1039M di wilayah Phan-rang, Champa
4. Batu nisan Fatimah binti Maimun bertarikh 1082M di Leran, Grisek, Jawa Timur. Dipercayai wanita tempatan yang merupakan isteri kepada pedagang Arab.
5. batu nisan Sultan Pasai, iaitu Malik al-Salih bertarikh 1297M. Batu nisan ini dijadikan sebagai sempadan kedatangan Islam ke Nusantara disebabkan ia berkait dengan empayar sebuah kerajaan.

Jika pada abad ke-11 hingga abad ke-13 memperlihatkan pengaruh penggunaan bahasa Arab yang sungguh kuat, pada zaman peralihan, iaitu sekitar abad ke-14 hingga abad ke-15 ditemui batu-batu nisan yang bersifat dwibahasa dan dwiaksara. Terdapat dua batu nisan yang memaparkan kemajuan dalam penggunaan bahasa Melayu yang dikenali sebagai Batu Bersurat Minye Tujuh, Aceh pada tahun 1380 dan Batu Bersurat Pengkalan Kempas, Negeri Sembilan pada tahun 1468.

BBMT merupakan batu bersurat yang dipahat pada sepasang batu nisan yang ditemui di Minye Tujuh, Aceh, Indonesia. Inskripsi yang tertulis di dalamnya melibatkan dwibahasa, iaitu bahasa Melayu kuno dan bahasa Arab. Nisan di bahagian kepala ditulis dalam bahasa Arab, manakala nisan di sebelah kaki ditulis dalam tulisan Jawa Kuno, tetapi dalam bahasa Melayu kuno, berbentuk syair yang dinamakan *upajati*. Isi teks batu bersurat dalam bahasa Arab adalah mengenai kematian al-Malikah al-Mu'azzamah al-Alah binti al-Sultan al-Marhum Malik al-Zahir yang dikenali dengan nama Ratu al-Alah (Al-Ala mengikut sesetengah riwayat) pada tahun 791H (1389M).

Bacaan dan terjemahan batu bersurat ini telah dilakukan oleh beberapa orang pengkaji, iaitu W.F. Stutterheim (1936), G.E. Marrison (1951) dan W. Van Der Molen (2007). BBMT menggunakan jenis skrip Melayu yang bentuknya dipengaruhi oleh skrip Arab dan ia dinamakan oleh Hooykaas (dlm Hashim, 2006) sebagai skrip Sumatera kuno. Nisan di bahagian kepala ditulis dalam bahasa Arab manakala batu nisan di sebelah kaki menggunakan tulisan Jawa kuno, iaitu tulisan Kawi.

Menurut Russel Jones (dlm Kabul, 2013), daripada sepuluh bahasa pinjaman terbesar terhadap bahasa Melayu-Indonesia, bahasa Sanskrit menduduki tempat pertama diikuti oleh bahasa Arab, Parsi dan Hindu secara berturut-turut. Kandungan tulisan ini telah dibaca oleh Hoesein Djajadiningrat (dlm H.Mohammad Said 1981: 101-103) seperti berikut:

*Matn al-malikah al-mu'azzamah alalah (al-alah?) bint as-sultan al-marhum malik az-zahir khan al-athar (?) ibn walidihi khan (?) al-khanat (?) taghammadahu 'l-lahu bir ridhwan fi'r-rabi' 'ashar yaum al-jum'ah min dzi'l-hijjah ahad wa tis'ina wa sab'a mi'an min al-hijrah al-muktafawiy(yah).*

Stutterheim (1936 dlm H.Mohammad Said 1981:102) kemudian menterjemahkan tulisan ini ke bahasa Belanda yang kira-kira begini maksudnya:

Ratu yang agung al-alah binti al-marhum Sultan Malik Al-Zahir, Maharaja (Khan) di masa lampau, putera dari ayahandanya Maharaja dari putera Maharaja, semoga Allah menerimanya dengan sempurna pada 14 Zulhijah, hari Jumaat, tahun 791 Hijrah.

BBPK pula telah ditemui di Pengkalan Kempas, Negeri Sembilan. Batu bersurat ini bertarikh 870 Hijrah bersamaan 1467 hingga 1468 Masihi, iaitu sezaman dengan pemerintahan Sultan Mansur Syah (dlm Nik Hassan, 2009). Batu bersurat yang mengandungi empat muka tiang segi empat ini menggunakan tulisan Jawi pada dua muka dan skrip Kawi pada dua muka lagi. Hal ini menunjukkan masyarakat tersebut mengalami zaman peralihan daripada zaman Hindu-Budha kepada Islam atau daripada zaman kuno kepada klasik tambahan pula ciri bahasa Melayu yang digunakan menggunakan bahasa Melayu kuno. Kini, batu bersurat ini telah diletakkan di Makam Syekh Ahmad Majnu di Kompleks Pengkalan Kempas. Batu bersurat ini mengandungi dua bahagian, iaitu penampang utara dan penampang selatan. Kandungan batu bersurat ini telah dibaca oleh J.G de Casparis dan diterjemahkan kembali oleh Prof. Othman Mohd Yatim. Kandungan teks batu bersurat adalah seperti berikut:

<b>Kandungan Prasasti</b>	<b>Terjemahan dalam bahasa Melayu Moden</b>
Penampang Utara: <i>Bismillahirrahmanirrahim</i> dara buta buka ata- mat Majanu berbawat daya/seda Ahmat pwan balat anak sedang Ahmat Majanu ma Malaga pada Allah	Dengan nama Allah yang Maha Pengasih lagi Penyayang, makam ini kepunyaan Ahmat Majanu, wira yang berjuang, Ahmat gugur bersama-sama isteri Balat dan anak lelakinya semasa berjuang dan gugur.
Penampang Selatan: <i>Bismillahirrahmanirrahim</i> Pertama Ahmat Maja- nu masuk ke jalan tat- kala raja-raja danan ba- tun barah talang ketangkap lalagi phana wassalam 1385	Dengan nama Allah yang Maha Pengasih lagi Penyayang, Ahmat Majanu adalah yang mula-mula muncul di tepi jalan ketika Raja dan Tun (?) Barah Talanga ditangkap. Akhirnya beliau ghaib (dalam tahun Saka 1385)

### **Faktor Evolusi Bahasa**

Dalam membincangkan soal faktor berlakunya evolusi bahasa terhadap batu-batu nisan ini, penulis menyandarkan kepada dua kemungkinan. Pertama, kedua-dua inskripsi ini dimiliki oleh seseorang yang berkedudukan dan dihormati yang hidup pada zaman kerajaan yang penting, dan kedua dipengaruhi oleh Islamisasi bahasa Melayu, iaitu pengaruh agama Islam dalam bahasa serta budaya tempatan. Justeru, penulisan pada batu bersurat ini ditulis sebegitu sebagai tanda penghormatan.

Berdasarkan kemungkinan-kemungkinan ini, maka kajian serta pembacaan lanjut perlu dilakukan bagi menjawab serta mengaitkan sama ada kemungkinan-kemungkinan ini tepat atau tidak atau mungkin terdapat kemungkinan lain yang menjadi penyebab berlakunya evolusi bahasa terhadap batu-batu nisan ini.

Kerangka awal yang boleh dipegang untuk kajian lanjut terhadap kemungkinan-kemungkinan ini adalah dengan menerapkan Teori Perubahan Bahasa kerana didapati telah berlaku perubahan-perubahan yang disebabkan oleh faktor-faktor luaran atau eksternal. Menurut

Poedjosoedarmo (dlm Akhmad Haryono, 2011), perubahan eksternal adalah perubahan dan perkembangan bahasa yang disebabkan oleh adanya hubungan antara satu bahasa dengan bahasa yang lain.

## **Kesimpulan**

Pemaparan terhadap inskripsi yang ditunjukkan pada kedua-dua batu nisan ini ternyata memberi satu bukti yang menunjukkan berlakunya evolusi terhadap perkembangan bahasa Melayu. Penggunaan dwibahasa dan dwiaksara dalam inskripsi batu-batu nisan ini tidak terdapat pada batu-batu nisan lain sebelumnya dan hal ini juga membuktikan kenyataan Noriah (1999) sememangnya tepat. Namun, kajian terperinci perlu dilakukan lagi dengan mengemukakan teori yang dapat menyokong dan kajian bersifat multidisiplin perlu diterapkan kerana pembuktian berlakunya evolusi bahasa ini tidak benar-benar kuat jika hanya dilihat melalui aspek bahasa semata-mata. Kajian ini juga akan dapat membuka mata generasi baharu bahawa monumen-monumen lama bukan boleh dianggap sebagai tinggalan yang perlu dilupakan bahkan ia merupakan gambaran ketamadunan bangsa yang memiliki pelbagai khazanah berharga untuk pembangunan bangsa pada masa akan datang.

## **Rujukan**

- Akhmad Haryono. (2011). *Perubahan Dan Perkembangan Bahasa: Tinjauan Historis Dan Sociolinguistik*, *Jurnal Linguistika*, Vol.18 Sept 2011. hlm 1-9.  
[https://id.wikipedia.org/wiki/Evolusi\\_\(istilah\)](https://id.wikipedia.org/wiki/Evolusi_(istilah)).
- Molen W.V.D. (2007). *The syair of Minye Tujuh*, *Journal of the Humanities and Social Sciences of Southeast Asia*, Vol 163 Issue 2-3. hlm 256-375.
- Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman. (2009). *Sejarah Tulisan Jawi Melalui Kajian Arkeologi Di Alam Melayu*, *Jurnal Arkeologi Malaysia*, 22. hlm 114-120.
- Noridah Mohamed. (1999). *Sejarah Sociolinguistik Bahasa Melayu Lama*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Perret, D.et.all. Terjemahan. *Makam-Makam Islam Lama Di Maritim Asia Tenggara*. Kuala Lumpur: Jabatan Muzium Malaysia.  
prpm.dbp.gov.my